

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1994/95

Oktober 1994

PDP 411 - Kaedah Mengajar Sains Am II

Masa: [2 jam]

---

Arahan: Jawab Soalan dari Bahagian A dan DUA soalan dari Bahagian B.

**BAHAGIAN A (Jawab soalan ini)**

1. Bincangkan persamaan dan perbezaan kaedah inkuiri dan kaedah perubahan konseptual.

Huraikan langkah-langkah yang perlu dilakukan bagi mengajar sesuatu konsep dengan menggunakan kaedah perubahan konseptual. Berikan contoh yang spesifik.

[40 markah]

**BAHAGIAN B (Jawab DUA soalan)**

2. Pengetahuan falsafah sains adalah perlu bagi guru-guru sains. Adakah anda setuju dengan kenyataan ini? Berikan alasan-alasan bagi menyokong pendapat anda.

[30 markah]

3. Ujian rujukan norma lebih sesuai daripada ujian rujukan kriteria untuk menilai pencapaian murid sains di sekolah. Adakah anda setuju dengan kenyataan ini? Berikan alasan-alasan bagi menyokong pandangan anda.

[30 markah]

4. Bilangan komputer di sekolah adalah terhad. Apakah kegunaan yang sesuai untuk pengajaran berbantuan komputer bagi mata pelajaran sains di sekolah dengan bilangan komputer yang terhad ini? Berikan contoh-contoh untuk menjelaskan jawapan anda.

[30 markah]

--- oooo000oooo ---

